

21/07/1997

MIED mahu tubuh Universiti Maju

ALOR GAJAH, Ahad - Institut Pembangunan Pendidikan Maju (MIED) akan menubuhkan sebuah institut pengajian tinggi, dikenali Universiti Maju bernilai RM180 juta di Sungai Petani, Kedah yang bakal menampung 4,000 penuntut.

Universiti Maju yang dirancang ditubuhkan secara usaha sama di antara MIED dengan Bristol Universiti, United Kingdom serta syarikat Bumiputera akan dibina dalam tempoh dua tahun jika permohonan diluluskan pada akhir tahun ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang juga Pengerusi MIED, berkata permohonan menubuhkan Universiti Maju sudah dikemukakan kepada Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak serta dimaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

"Kita hanya tunggu kelulusan kerana perbincangan dengan Bristol Universiti sudah selesai serta telah pun menandatangani memorandum persefahaman," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen MIC Melaka di A Famosa Resort, Simpang Ampat dekat sini, petang ini.

Menurutnya, jika diluluskan tahun ini, projek pembinaan universiti itu akan mula dibina awal 1998 untuk disiapkan dalam tempoh dua tahun.

Katanya, tapak Universiti Maju di Sungai Petani sudah pun dikenal pasti dengan kerajaan Kedah bersetuju menimbangkannya.

Samy Vellu berkata, Universiti Maju akan menawarkan empat kursus pengajian iatu perubatan, kejuruteraan, sains dan teknologi maklumat.

(END)